



KADAR PULANGAN PENDIDIKAN KEPADA GURU

SARAVANAN MUTHIAH



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2014





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپريسي لنديديقن سلطان ايدريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 24 (hari bulan) 01 (bulan) 2014.

i. Perakuan pelajar :

Saya, SARAVANAN A/L MUTHIAH / M20091000708 / FPE (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KADAR PULANGAN PENDIDIKAN KEPADA GURU

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Saravanan

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Ramlee Ismail (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Kadar Pulangan Pendidikan kepada Guru

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Ekonomi) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

10/2/2014

Tarikh

Ramlee Ismail


Tandatangan Penyelia



PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

24.01.2014


.....
SARAVANAN MUTHIAH
M20091000708



PENGHARGAAN

Dengan limpah kurnia dan keizianNya dapat saya menyempurnakan kertas projek ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Ramlee bin Ismail selaku penyelia yang banyak memberi idea, tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan bagi menjayakan kertas projek ini. Saya merasa amat berbesar hati berada di bawah penyeliaan Prof. Madya Dr. Ramlee bin Ismail yang sentiasa memberi sokongan dan kerjasama yang amat mengagumkan.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) dan Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberikan kebenaran untuk melakukan kajian di sekolah. Selain daripada itu, ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada Pengetua dan Guru Besar yang memberi kebenaran kepada saya untuk melakukan kajian di sekolah mereka. Di samping itu juga ribuan ucapan terima kasih diucapkan kepada guru-guru atas pertolongan dalam proses mendapatkan data kajian.

Ribuan terima kasih jua buat rakan-rakan di UPSI dan juga kepada orang perseorangan yang turut membantu secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penulisan ini. Sekali lagi saya memanjatkan doa kesyukuran ke hadrat Ilahi, agar segala usaha yang disumbangkan diberkati oleh Tuhan di dunia dan akhirat. Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Objektif kajian ini ialah untuk menganggarkan kadar pulangan pelaburan dalam pendidikan bagi guru. Selain daripada itu, objektif kajian ini juga ialah untuk mengenal pasti insiden terlebih dan terkurang pendidikan dalam kalangan guru. Reka bentuk kajian ialah kajian kuantitatif iaitu maklumat dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik. Sampel kajian terdiri daripada seramai 400 guru tetap yang berkhidmat di sekolah rendah dan menengah di Alor Setar, Kedah. Persamaan Pendapatan Mincer (1974) digunakan untuk menganggarkan kadar pulangan pelaburan dalam pendidikan bagi guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa purata kadar pulangan pelaburan dalam pendidikan bagi setahun persekolahan untuk guru yang terlibat dalam kajian ini ialah 8.6%. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa wujud insiden terlebih dan terkurang pendidikan dalam kalangan guru di negara kita. Guru yang berkecukupan sarjana berpendapat bahawa kecukupan ikhtisas yang mereka miliki adalah lebih tinggi daripada kecukupan yang diperlukan untuk melakukan pekerjaan mereka sekarang, khususnya yang berada di sekolah rendah. Wujud persoalan adakah golongan ini perlu diberi perhatian khusus supaya kelebihan ilmu dan kemahiran yang mereka miliki dapat dimanfaatkan dalam pembangunan pendidikan negara. Oleh itu, kajian yang lebih komprehensif dengan data yang lebih besar perlu dilakukan untuk menjawab isu tersebut. Implikasi kajian ini ialah para guru dapat menganggarkan kadar pulangan pelaburan dalam pendidikan.





ABSTRACT

RETURN OF EDUCATION FOR TEACHERS

The objective of this study was to estimate the rate of return to investment in education for teachers. In addition, the objective of this study was to determine the incidence of over and under education among teachers. This is a quantitative study in which the information was collected by using questionnaire. The sample consisted of 400 permanent teachers, working in primary and secondary schools in Alor Setar, Kedah. Mincer Earnings Equation (1974) was used to estimate the rate of return to investment in education for teachers. The result shows that the average rate of return to investment in education for one year of schooling for the teachers involved in this study is 8.6%. The finding also shows that there exists an over and under education incident among teachers in our country. Teachers with masters qualifications think that the professional qualifications possessed by them is higher than the qualifications required to perform their current jobs, particularly teachers in the primary schools. There is a question of whether they need to be given special attention for the advantage of the knowledge and skills acquired by them since it can be used in the development of national education. Therefore, more comprehensive study with larger data needs to be done in order to respond to these issues. The implication of this study is that teachers are able to estimate the rate of return to investment in education.





KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	13
1.3	Rasional Kajian	16
1.4	Objektif Kajian	19
1.5	Persoalan Kajian	20
1.6	Signifikan Kajian	21
1.6.1	Para Guru	23
1.6.2	Kementerian Pelajaran Malaysia	24
1.6.3	Jabatan Pendidikan Negeri	24
1.6.4	Pelabur	24
1.6.5	Pihak Bank dan Institusi Kewangan	25
1.7	Sistem Pendidikan dan Latihan Perguruan di Malaysia	25



1.8	Definisi Operational	31
1.8.1	Terlebih Pendidikan	31
1.8.2	Terkurang Pendidikan	32
1.8.3	Sepadan Pendidikan	32
1.8.4	Kadar Pulangan Pelaburan Persendirian dalam Pendidikan	33
1.8.5	Guru	33
1.9	Kesimpulan	34

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	35
2.2	Kadar Pulangan Pelaburan Persendirian dalam Pendidikan	36
2.3	Kaedah Mengkaji Tahap Insiden Terlebih dan Terkurang Pendidikan	57
2.4	Kadar Pulangan Pelaburan dalam Pendidikan bagi Terlebih dan Terkurang Pendidikan	72
2.5	Kesimpulan	91

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	93
3.2	Reka Bentuk Kajian	94
3.3	Lokasi Kajian	96
3.4	Batasan Kajian	96
3.5	Populasi dan Pensampelan	97
3.6	Instrumen Kajian	100

3.7	Prosedur Pengumpulan Data	102
3.8	Prosedur Penganalisisan Data	104
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	112
3.10	Kesimpulan	114

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	115
4.2	Latar Belakang Responden	116
4.3	InsidenTerlebih Pendidikan dan Terkurang Pendidikan dalam Kalangan Guru	124
4.4	Menganggarkan Kadar Pulangan Pelaburan Persendirian dalam Pendidikan bagi Guru	147
4.5	Kesimpulan	156

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	157
5.2	Kadar Pulangan Pelaburan Persendirian dalam Pendidikan bagi Guru	158
5.3	Insiden Terlebih dan Terkurang Pendidikan dalam Kalangan Guru	163
5.4	Kadar Pulangan Pelaburan Persendirian dalam Pendidikan bagi Guru yang Terlebih Pendidikan	175
5.5	Kadar Pulangan Pelaburan Persendirian dalam Pendidikan bagi Guru yang Terkurang Pendidikan	181
5.6	Kadar Pulangan Pelaburan Persendirian dalam Pendidikan bagi Guru mengikut Tahap Pendidikan	184
5.7	Implikasi Kajian	188



5.8	Cadangan Kajian Susulan	191
5.9	Penutup	193

RUJUKAN

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1.1	Peruntukkan Kerajaan Pusat untuk Pendidikan dan Latihan dalam Perancangan Malaysia Pertama sehingga Kesepuluh	10
3.8.1	Anggaran Jumlah Tahun Persekolahan mengikut Tahap Kelayakan Pendidikan/Ikhtisas Tertinggi	110
3.8.2	Ringkasan Kerangka Analisis	111
4.2.1	Statistik Deskriptif bagi Umur, Gaji Kasar, Pengalaman Mengajar dan Tahun Persekolahan	116
4.2.2	Taburan Responden mengikut Jantina, Umur, Status, Status Sekolah dan Tempat Bertugas	117
4.2.3	Taburan Responden mengikut Tahap Mengajar	119
4.2.4	Taburan Responden mengikut Tahap Pendidikan dan Ikhtisas	120
4.2.5	Taburan Responden mengikut Jumlah Pengalaman Mengajar dan Tahun Persekolahan	122
4.2.6	Taburan Responden mengikut Gaji Kasar dan Gred Gaji	123
4.2.7	Taburan Responden Jawatan dalam Pentadbiran Sekolah	124
4.3.1	Taburan Responden Sepadan dan Tidak Sepadan Pendidikan	125
4.3.2	Taburan Bilangan Responden yang Terkurang dan Terlebihi Pendidikan	126
4.3.3	Deskriptif Statistik bagi Umur, Gaji Kasar, Pengalaman Mengajar dan Tahun Persekolahan mengikut Status Kepadanan	127
4.3.4	Bilangan Responden Terkurang, Sepadan dan Terlebihi Pendidikan mengikut Kategori Umur	129
4.3.5	Perbandingan antara Status Kepadanan dengan Umur	130
4.3.6	Bilangan Responden Terkurang, Sepadan dan Terlebihi Pendidikan mengikut Kategori Jantina	131
4.3.7	Bilangan Responden Terkurang, Sepadan dan Terlebihi Pendidikan mengikut Kategori Sekolah	132
4.3.8	Bilangan Responden Terkurang, Sepadan dan Terlebihi Pendidikan mengikut Status Responden	133

4.3.9	Bilangan Responden Terkurang, Sepadan dan Terlebih Pendidikan mengikut Kategori Tempat Bertugas	134
4.3.10	Bilangan Responden Terkurang, Sepadan dan Terlebih Pendidikan mengikut Tahap Mengajar	134
4.3.11	Bilangan Responden Terkurang, Sepadan dan Terlebih Pendidikan mengikut Kategori Kelayakan Pendidikan Tertinggi	135
4.3.12	Bilangan Responden Terkurang, Sepadan dan Terlebih Pendidikan mengikut Kategori Kelayakan Ikhtisas Tertinggi	136
4.3.13	Bilangan Responden Terkurang, Sepadan dan Terlebih Pendidikan mengikut Kategori Pengalaman Mengajar	137
4.3.14	Perbandingan antara Status Kepadanan dengan Pengalaman Mengajar	138
4.3.15	Bilangan Responden Terkurang, Sepadan dan Terlebih Pendidikan mengikut Kategori Gaji Kasar	139
4.3.16	Perbandingan antara Taraf Pendidikan dengan Gaji Kasar	139
4.3.17	Bilangan Responden Terkurang, Sepadan dan Terlebih Pendidikan mengikut Kategori Jumlah Tahun Persekolahan	140
4.3.18	Perbandingan antara Status Kepadanan dengan Jumlah Tahun Persekolahan	141
4.3.19	Taburan Responden Sepadan Pendidikan mengikut Keinginan Melanjutkan Pengajian untuk Meningkatkan Kelayakan Ikhtisas	141
4.3.20	Dapatan Analisis Bersilang antara Keinginan Melanjutkan Pengajian dengan Kelayakan Ikhtisas Tertinggi bagi Responden Sepadan Pendidikan	142
4.3.21	Taburan Responden Terkurang Pendidikan mengikut Keinginan Melanjutkan Pengajian	143
4.3.22	Dapatan Analisis Bersilang antara Keinginan Melanjutkan Pengajian dengan Kelayakan Ikhtisas Tertinggi bagi Responden Terkurang Pendidikan	145
4.3.23	Taburan Responden Terlebih Pendidikan mengikut Keinginan Melanjutkan Pengajian	145
4.3.24	Dapatan Analisis Bersilang antara Keinginan Melanjutkan Pengajian dengan Kelayakan Ikhtisas Tertinggi bagi Responden Terlebih Pendidikan	147
4.4.1	Model Kadar Pulangan Pelaburan Persendirian dalam Pendidikan bagi Guru mengikut Model Mincer	148



4.4.2	Model Kadar Pulangan Pelaburan Persendirian dalam Pendidikan bagi Guru mengikut Persamaan Pendapatan ORU	150
4.4.3	Model Kadar Pulangan Pelaburan Persendirian dalam Pendidikan bagi Guru mengikut Status Kepadanan	152
4.4.4	Model Kadar Pulangan Pelaburan Persendirian dalam Pendidikan bagi Guru mengikut Tahap Pendidikan	154





SENARAI SINGKATAN

A.S	Amerika Syarikat
DOT	Dictionary of Occupational Titles
DPLI	Diploma Perguruan Lepas Ijazah
EES	Encuesta de Estructure Salarial
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
GCE	General Certificate of Education
GCSE	General Certificate of Secondary School
HBES	Household Budget and Expenditure Surveys
HESA	Higher Education Statistics Analysis
HLP	Hadiah Latihan Persekutuan
IHDS	India Human Development Survey
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
IRR	Internal Rates of Return
ISMP	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
JA	Job Analysis
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KDC	Kursus Dalam Cuti
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
LFS	Labour Force Survey
MES	Migration and Employment Survey
NES	New Earnings Survey
NPV	Net Present Value
OECD	Organisation for Economic Co-operation and Development
OLS	Ordinary Least Square
PES	Post Enumeration Survey
PhD	Ijazah Doktor Falsafah
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPGSR	Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah
PSID	Panel Study of Income Dynamics
RM	Realized Matches
RMK-8	Rancangan Malaysia Kelapan
RMK-9	Rancangan Malaysia Kesembilan
RMK-10	Rancangan Malaysia Kespuluh
RRJP2	Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua
RRJP3	Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga
SA	Self-Assessment
SDM	Sumber Daya Manusia
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



xiv bupsi

SK	Sekolah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Package for The Social Science
SSM	Sistem Saraan Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
UK	United Kingdom
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
UUM	Universiti Utara Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Negara-negara sedang membangun percaya bahawa terdapat hubungan positif antara pembangunan dengan pendidikan, pembangunan dengan pertumbuhan ekonomi dan pendidikan dengan sumber manusia (Saharawati, 2008). Menurut Saharawati (2008), terdapat hubungan koefisien korelasi yang positif antara indeks pendidikan dengan indeks Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Menurut Ranis (2004), untuk meningkatkan prestasi ekonomi, pembangunan manusia harus diberikan keutamaan dan jika matlamatnya adalah meningkatkan pertumbuhan ekonomi, ia secara tidak langsung akan memastikan pembangunan sumber manusia juga. Perbincangan mengenai takrifan dan matlamat pembangunan telah diperluaskan tetapi masih





terdapat hubungan yang sangat erat antara pembangunan manusia dan pertumbuhan ekonomi.

Menurut Zidan (2001), pembangunan manusia dilihat sebagai pembangunan keupayaan manusia dan strategi ini menggalakkan pelaburan dalam pendidikan bagi meningkatkan kemahiran, produktiviti kerja dan kreativiti. Tambahan lagi, pembangunan yang terhasil daripada manusia bersama-sama dengan modal fizikal dan sumber alam semula jadi akan menggalakkan pembangunan ekonomi. Selain itu, modal insan mesti berpendidikan, dilatih, dan dibangunkan di dalam sesebuah negara bagi tujuan meningkatkan produktiviti negara melalui kepakaran tenaga kerja.

Barro dan Lee (2010), mengatakan bahawa peningkatan setahun persekolahan akan menyebabkan KDNK per kapita meningkat daripada 1.7% kepada 12.1% dan kadarnya bergantung kepada kaedah pengukuran yang digunakan. Bukan itu sahaja, Cohen dan Soto (2007), mengatakan bahawa pengujian kesan kualiti persekolahan kepada pertumbuhan mendapati bahawa peningkatan dalam purata skor ujian kognitif negara akan meningkatkan kadar pertumbuhan KDNK per kapita sebanyak 1.2% hingga 2.0%. Tambahan lagi, peningkatan skor purata matematik dan sains dengan satu unit akan meningkatkan kadar pertumbuhan KDNK per kapita sebanyak 2.0% dan sebanyak 2.3% bagi negara-negara yang berpendapatan rendah. Secara keseluruhannya, pendidikan berkait rapat secara positif dengan pertumbuhan ekonomi. Selain daripada itu, pertumbuhan ekonomi disebabkan oleh pendidikan yang selaras dengan model pertumbuhan modal insan.





Schultz (1961) beranggapan bahawa, perbelanjaan ke atas pendidikan, latihan, dan kesihatan sebagai pelaburan dalam modal insan. Tambahan pula, modal insan juga boleh mengalami susutan nilai dan perlu digantikan dengan yang baru. Misalnya, jika seseorang pekerja bersara, penggantinya bukan sahaja menggantikan tempatnya tetapi pengetahuan juga perlu ditambah supaya modal insan itu dapat dipertingkatkan. Selain itu, ahli-ahli ekonomi telah lama memperkatakan tentang peranan pembentukan modal insan dalam pertumbuhan ekonomi, iaitu dengan menganggap model insan sebagai salah satu faktor yang penting dalam perakaunan pertumbuhan ekonomi negara (Mankiw, Romer & Weil, 1992).

Pendidikan ialah satu bentuk tabungan yang boleh menghasilkan peningkatan modal insan dan pertumbuhan output agregat apabila modal insan itu dijadikan input dalam fungsi pengeluaran (Saharawati, 2008). Menurut Saharawati (2008), pendidikan bukan sahaja penggenap kepada sumber produktif yang lain, tetapi penyumbang kepada peluang yang produktif. Oleh itu, pendidikan dapat meningkatkan kemahiran dan produktiviti pekerja.

Penyelidikan dalam pendidikan dan ekonomi mendapati bahawa, pelaburan dalam pendidikan adalah lebih kurang sama seperti pelaburan dalam modal fizikal. Di negara-negara maju yang berasaskan perindustrian, pulangan untuk manusia dan modal fizikal adalah pada kadar yang lebih kurang sama (Psacharopoulos & Patrinos, 2002). Dalam proses perkembangan ekonomi, penghasilan modal insan yang berkualiti dan peningkatan dalam pelaburan dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi (Saharawati, 2008). Umumnya, pertumbuhan ekonomi sesebuah negara amat bergantung kepada pasaran kerja yang produktif yang dihasilkan oleh sistem





pendidikan yang berkualiti. Menurut Kakar, Khilji dan Khan (2011), pencapaian dalam pendidikan dan pembangunan modal insan dapat mengurangkan masalah kemiskinan dan pendapatan yang tidak seimbang.

Menurut Almendarez (2010), Teori Modal Insan menekankan kepentingan penggubal dasar untuk memperuntukkan sumber-sumber yang besar bagi perkembangan sistem pendidikan. Menurut Almendarez lagi, terdapat beberapa buah kerajaan yang menghadapi keberatan untuk melabur dalam pendidikan kerana pulangan positif daripada pelaburan adalah rendah berbanding dengan kos yang terlibat tetapi kebanyakan negara-negara membangun telah sedar bahawa mekanisme utama bagi membangunkan pengetahuan manusia adalah melalui sistem pendidikan. Oleh itu, mereka melabur jumlah wang yang besar untuk pendidikan, di mana ia bukan sahaja sebagai satu usaha untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada individu, tetapi juga untuk menanamkan nilai, idea, sikap dan cita-cita bagi kepentingan pembangunan negara. Dapatan kajian lepas ini, jelas menunjukkan bahawa Teori Modal Insan dan sistem pendidikan berkait rapat dalam pembangunan individu dan negara.

Menurut Psacharopoulos dan Woodhall (1997), Teori Modal Insan menekankan pendidikan formal untuk meningkatkan keupayaan produktif penduduk. Teori Modal Insan juga menekankan aspek pendidikan untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan pekerja, tahap kognitif dan keupayaan manusia yang produktif dari segi ekonomi melalui pelaburan dalam manusia. Pendek kata, penduduk yang berpendidikan adalah penduduk yang produktif. Penyediaan pendidikan formal dilihat sebagai satu pelaburan dalam modal insan, dan penyokong-





penyokong teori ini telah menganggapnya sebagai lebih bermakna daripada pelaburan dalam modal fizikal.

Mengikut teori pelaburan modal insan, seseorang individu itu akan meneruskan pengajian hanya jika nilai kelebihan yang diperoleh melalui persekolahan adalah melebihi daripada kos perbelanjaan (Becker, 1993). Kelebihan ini adalah bergantung kepada kualiti pekerja. Kualiti pekerja pula berkaitan secara langsung dengan modal insan yang diperoleh semasa persekolahan. Hal ini menyebabkan tahun persekolahan dan pendapatan digunakan untuk mengukur kadar pulangan pelaburan dalam pendidikan. Pelaburan dalam pendidikan dapat dinilai berdasarkan kadar pulangannya (Agarwal, 2011).



Abdul Samad (2004) menyatakan dalam kajiannya bahawa hampir 20% daripada perbelanjaan negara kita, diperuntukkan untuk tujuan membangunkan infrastruktur pendidikan. Pembangunan infrastruktur mendorong penubuhan kolej awam dan swasta di negara kita. Ia sangat penting kerana pendidikan memainkan peranan yang penting dalam peningkatan ekonomi negara sebab ia merupakan pelaburan yang sangat berguna.





Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) (2010-2015), adalah dasar pembangunan yang penting dalam usaha melaksanakan misi ke arah menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi sebagaimana yang dihasratkan dalam Wawasan 2020. RMK-10 mengandungi aspirasi Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi yang berteraskan pendapatan tinggi dan kemapanan. Rancangan tersebut merencanakan pembangunan negara untuk tempoh lima tahun sebagai pentas bagi transformasi struktur utama yang diperlukan oleh ekonomi, strategi dan program baharu yang membolehkan negara tampil sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi (Laporan RMK-10, 2010).

Modal insan merupakan pelaburan terpenting bagi pembangunan sesebuah negara dan menjadi teras kepada inovasi serta ekonomi berpendapatan tinggi yang produktif. Tidak ada negara yang mampu mencapai kemajuan tanpa memiliki modal insan yang cemerlang, berkemahiran tinggi, boleh bertindak balas dengan pantas, kreatif terhadap perubahan ekonomi, serta berpaksikan kepada penjaan dan penggunaan pengetahuan. Oleh itu, membangun, menarik dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia merupakan prasyarat penting bagi mencapai hasrat negara. Kelayakan pendidikan yang tinggi bagi menyokong pembangunan pengetahuan dan inovasi, tahap kemahiran yang tinggi dalam bidang teknikal dan profesional, serta paras produktiviti yang tinggi adalah antara ciri utama modal insan dan tenaga kerja negara yang berpendapatan tinggi (Laporan RMK-10, 2010). Berdasarkan ciri-ciri ini, usaha perlu ditumpukan bagi mencapai tahap modal insan bertaraf dunia menjelang tahun 2020.





Dalam RMK-10, Y. A. B. Perdana Menteri negara kita telah mengatakan bahawa bagi menjadi negara berpendapatan tinggi, rakyat mesti berupaya bersaing di peringkat serantau dan juga global. Hal ini memerlukan rakyat melipatgandakan usaha untuk menarik pelaburan, memacu inovasi dan produktiviti. Menurutnya lagi, teras bagi mana-mana ekonomi berpendapatan tinggi yang produktif terletak pada tenaga kerja yang berdaya saing, kreatif dan inovatif di peringkat global. Untuk mencapainya, suatu pendekatan bersepadu diperlukan bagi memupuk, menarik dan memelihara asas tenaga mahir bertaraf dunia. Kreativiti, tenaga dan inisiatif sektor swasta harus dimanfaatkan sebagai pendorong utama aspirasi pertumbuhan negara. Oleh itu, kerajaan memainkan peranan utama dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif serta menyokong pertumbuhan sektor baru melalui penyediaan kerangka dasar, pembangunan modal insan, penyediaan infrastruktur yang diperlukan dan



05- menyokong pembangunan perindustrian.

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptupsi

Ke arah memupuk modal insan cemerlang, kerajaan melakukan pembaharuan secara komprehensif ke atas kitaran pembangunan modal insan bermula di peringkat awal kanak-kanak sehingga ke alam pekerjaan melalui RMK-10. Usaha meningkatkan pencapaian pelajar dimulakan dengan membangunkan dan memotivasikan kecemerlangan guru (Laporan RMK-10, 2010).

Latihan kemahiran diberikan penekanan utama di bawah RMK-10. Lantaran itu, bagi memastikan Malaysia mempunyai modal insan yang memenuhi keperluan industri dan memacu peningkatan produktiviti untuk membolehkan industri beralih ke rantaian nilai lebih tinggi. Pendidikan teknikal dan latihan vokasional ditingkatkan kualiti kelulusannya. Langkah ini penting untuk menyediakan alternatif bagi





membolehkan individu merealisasikan potensi mereka sepenuhnya berdasarkan kecenderungan dan bakat masing-masing. Kerajaan juga memperluaskan program latihan sambil bekerja melalui Sistem Latihan Dual Nasional dan Program Latihan Industri (Laporan RMK-10, 2010). Pembaharuan pendidikan dilaksanakan dengan objektif untuk memastikan tiada kanak-kanak dinafikan hak mendapat peluang mencapai kejayaan. Pada masa yang sama, inisiatif diambil untuk memupuk modal insan terbaik bagi menyokong sektor ekonomi yang mempunyai nilai ditambah tinggi dan berasaskan pengetahuan.

Penekanan terhadap model insan di negara kita dapat dilihat dalam setiap dasar kerajaan yang berkaitan dengan pembangunan negara. Dalam penggubalan setiap dasar, kerajaan Malaysia akan memastikan bahawa dasar yang digubal tidak memberikan sebarang impak negatif ke atas bidang pendidikan negara. Bagi memastikan bidang pendidikan berada dalam landasan yang betul, kerajaan dengan usaha sama pelbagai pihak telah menggubal Falsafah Pendidikan Negara (FPN) pada tahun 1988. Kini FPN dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). FPK menjadi panduan bagi semua aktiviti pendidikan di Malaysia. Dengan adanya FPK, maka sistem pendidikan negara kita sebenarnya berada dalam landasan yang betul dan membentuk sistem pendidikan Malaysia daripada peringkat yang paling rendah hingga peringkat tertinggi, iaitu institusi pengajian tinggi (KPM, 2011).

FPK mengatakan bahawa pendidikan merupakan satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu, secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (KPM, 2011).





FPN menjelaskan tujuan dan matlamat pendidikan untuk individu dan negara. Kedua-dua tujuan selaras, iaitu untuk melahirkan insan yang berilmu, berakhlak mulia dan bertanggungjawab yang juga akan melahirkan seorang warganegara yang baik. Pendidikan merupakan proses asas dan utama bagi pembinaan insan yang baik, seimbang dan bersepadu serta yang paling penting untuk menjayakan hasrat dan cita-cita negara. Pada masa yang sama, menggalakkan penyertaan masyarakat dalam pendidikan berterusan.

Selain daripada itu, matlamat pendidikan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ke-2 (RRJP2) (1991-2000) dan Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8) (2001-2005) adalah untuk melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran, serta mempunyai nilai moral yang tinggi dan mampu untuk menyumbang kepada pembangunan. Pada 16 Januari 2006, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) (2006-2010) yang menjadi dasar pembangunan pendidikan di Malaysia dengan menggariskan enam strategik utama pembangunan pendidikan. Salah satunya adalah memartabatkan profesional perguruan dengan memberi fokus kepada melahirkan guru yang berkualiti melalui mempertingkatkan pemilihan guru, mempertingkatkan latihan perguruan, memperbaiki prospek dan kerjaya guru serta memperbaiki suasana kerja dan kebijakan guru (Laporan PIPP, 2006).

Dalam konteks pendidikan di negara ini, KPM telah membuat beberapa program bagi meningkatkan tahap profesionalisme perguruan. Antaranya termasuklah dengan mengadakan program kursus dalam perkhidmatan, lawatan sambil belajar, kursus ke luar negara dan sekarang terdapat pula program berkembar antara institut



perguruan dan universiti tempatan. Sebagai pendidik tanah air yang memikul tanggungjawab dan amanah menerusi reformasi pendidikan yang berlandaskan FPN, kejayaan dan kegagalan usaha-usaha ini bergantung kepada guru itu sendiri. Perlu diberi perhatian di mana peruntukkan kerajaan untuk pembangunan pendidikan melibatkan peruntukkan yang besar dalam setiap Rancangan Malaysia. Nilai peruntukan untuk pendidikan guru boleh didapati di Jadual 1.1.

Jadual 1.1

Peruntukkan Kerajaan Pusat untuk Pendidikan dan Latihan dalam Perancangan Malaysia Pertama sehingga Kesepuluh (RM Juta)

Rancangan Malaysia	Pertama	Ke-2	Ke-3	Ke-4	Ke-5	Ke-6	Ke-7	Ke-8	Ke-9	Ke-10
Peruntukkan bagi Pendidikan Guru	31.9	9.0	112.1	149	229	155.6	332.5	1,368.1	577.7	576

Sumber: Rancangan Malaysia ke-10 (2010)

Bukan itu sahaja, penekanan juga diberikan untuk meningkatkan tahap pendidikan guru. Seramai 3,000 tenaga pengajar telah diambil berdasarkan unjuran yang ditetapkan oleh kementerian bagi mengikuti program peringkat ijazah perguruan yang dijalankan di 27 buah Institusi Pendidikan Guru (IPG) seluruh negara dan 3,000 orang guru ditetapkan oleh setiap tahun dengan sasaran 15,000 orang mengikuti pengajian berkenaan dalam tempoh lima tahun bagi meningkatkan kelulusan akademik (Utusan Malaysia, 23 Julai 2008). Selain daripada itu, Y. A. B. Menteri Pelajaran mengatakan bahawa Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah (PPGSR) dirancang bagi mencapai sasaran sebanyak 50% guru siswazah daripada kira-kira 140,000 guru sekolah rendah di seluruh negara menjelang 2010 (Utusan Malaysia, 23 Julai 2008).



Tambahan lagi, Y. A. B. Perdana Menteri negara kita mengatakan bahawa, bagi meningkatkan lagi kualiti pelajar, nisbah guru siswazah di sekolah rendah akan ditingkatkan dari 28% kepada 60% (Utusan Malaysia, 10 Jun 2010). Peningkatan kualiti guru dalam konteks kelayakan akademik akan memberikan kesan yang positif bagi perkembangan bidang pendidikan negara. Persoalan yang timbul ialah kesanggupan guru untuk mengikuti program pensiswazahan yang mengambil masa tiga hingga empat tahun sedangkan kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan ini tidak diketahui; Adakah kesan dari dasar tersebut memberi manfaat kepada guru dalam konteks kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan ini dibandingkan dengan guru yang memiliki diploma dan sijil? Persoalan lain juga timbul kesan dari dasar tersebut, seperti tanggapan guru-guru yang memiliki kelayakan ikhtisas ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah (PhD) yang berkhidmat di sekolah rendah dan menengah merasakan mereka adalah golongan yang terlebih pendidikan?; Atau guru yang berada di sekolah rendah dan menengah tetapi memiliki kelayakan ikhtisas sijil atau diploma pendidikan sebagai golongan terkurang pendidikan? Bukan itu sahaja, persoalan juga timbul di mana adakah kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi guru adalah berbeza berdasarkan tahap pendidikan yang dimiliki?

Terdapat banyak kajian mengenai kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan yang dikaji oleh penyelidik-penyelidik di luar negara. Bagaimanapun, tidak ada sebarang kajian yang berkaitan kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi guru di Malaysia secara khususnya. Di Malaysia, kajian mengenai analisis kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan pernah dihasilkan oleh Hoerr (1973), Lee (1980), Chapman dan Harding (1985),





Chung (2004) dan Ramlee (2009). Kajian-kajian ini mengambil sampel secara keseluruhan dan tidak mengkhusus kepada bidang perguruan. Maka, kajian ini dapat mengisi kekosongan yang wujud dalam bidang penyelidikan dalam pendidikan. Pada masa yang sama, keputusan kajian ini akan meningkatkan kefahaman penyelidik mengenai kepentingan pelaburan dalam sektor pendidikan dan ia mampu memberikan suatu gambaran dan garis panduan untuk merancang pelaburan dalam pendidikan bagi guru di Malaysia.

Kesimpulannya, kajian lepas menunjukkan modal insan amat diperlukan dalam proses untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang baik. Modal insan diukur berdasarkan tahap pendidikan yang dimiliki oleh seseorang. Sehingga kini tidak terdapat maklumat mengenai kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi guru dan insiden terlebih dan terkurang pendidikan di negara kita. Maka, suatu kajian bagi menentukan kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi guru yang akan dikategorikan terlebih pendidikan dan terkurang pendidikan adalah diperlukan.

1.2 Pernyataan Masalah

Perkembangan dalam sistem pendidikan yang pesat dan penekanan kepada pendidikan yang berterusan menyebabkan wujud ketidakpadanan antara pekerjaan yang sedang dilakukan dan kelayakan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas sebagai guru di sekolah. Wujudnya keadaan terlebih pendidikan di mana guru





merasakan tahap kelayakan ikhtisas dan pengetahuan mereka adalah tinggi daripada tahap kelayakan ikhtisas dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas sebagai guru di sekolah. Bukan itu sahaja, terdapat juga insiden terkurang pendidikan berlaku di mana guru merasakan tahap kelayakan ikhtisas dan pengetahuan mereka kurang daripada tahap pendidikan dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas sebagai guru di sekolah. Hal ini berlaku di mana tahap kelayakan ikhtisas dan pengetahuan guru tidak dikemaskinikan walaupun kelayakan untuk melaksanakan tugas sebagai guru telah dipertingkatkan.

Pada masa kini, kerajaan telah membuka peluang seluas-luasnya kepada siswazah dan terutamanya kepada para guru untuk menyambung ijazah sarjana muda dan sarjana di universiti-universiti tempatan dalam program-program dan latihan yang diiktiraf oleh kerajaan. Sehubungan dengan itu, wujud keperluan bagi mengenal pasti tahap insiden terlebih dan terkurang pendidikan dalam kalangan guru yang berkhidmat di sekolah rendah dan menengah.

Keputusan untuk melabur dalam bidang pendidikan menjadi suatu perkara yang dipertimbangkan kerana ia melibatkan kos yang tinggi. Jika seseorang itu ingin melabur dalam bidang pendidikan, beliau harus memikirkan jumlah kos pengajian, faedah yang akan diperoleh jika beliau tamat sesuatu pengajian dan akhir sekali dalam tempoh masa beberapa tahun, beliau boleh mendapatkan keuntungan daripada pelaburan tersebut. Maka, suatu kaedah ataupun pengukuran kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan yang jelas diperlukan untuk memudahkan guru-guru membuat perancangan bagi meningkatkan taraf pendidikan mereka. Bukan itu sahaja, anggaran kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan





berdasarkan tahap pendidikan dapat memberikan gambaran mengenai perbezaan dalam pendapatan yang diterima oleh guru-guru yang berbeza kelayakan.

Semasa melanjutkan pengajian, pendidik terpaksa menanggung pelbagai kos perbelanjaan. Bagi pihak yang ditaja oleh kerajaan ataupun badan-badan tertentu, mereka terpaksa menanggung kos perjalanan, penginapan dan lain-lain lagi sepanjang tempoh pengajian. Bagi pihak yang mengambil intensif sendiri pula terpaksa menanggung semua kos pengajian dan perbelanjaan-perbelanjaan lain sepanjang pengajian mereka. Pihak yang mengambil intensif sendiri untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi boleh menggunakan dana tersebut untuk melabur dalam bidang lain bagi menjana pendapatan. Kedua-dua pihak juga terpaksa melepaskan sumber pendapatan sampingan yang boleh diterima jika masa untuk menyempurnakan sesuatu pengajian tertentu digunakan bagi tujuan mencari pendapatan sampingan. Ia merupakan kos lepas bagi mereka. Walaupun terpaksa korbakan banyak perkara dan sumber kewangan, namun ramai sanggup melabur dalam pendidikan dengan harapan akan mendapat pulangan dalam jangka masa tertentu dan demi kepuasan diri.

Peningkatan dalam pendapatan menjadi pendorong kepada ramai pihak yang ingin melabur dalam pendidikan (Mohd. Khalled Khairol, 2008). Maka anggaran kadar pulangan daripada pelaburan persendirian dalam pendidikan akan membantu seseorang menganggarkan kadar pulangan yang akan diterimanya, setelah tamat sesuatu tahap pengajian. Misalnya, individu boleh membandingkan kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan dengan kadar pulangan daripada sumber





pelaburan yang lain jika menanggihkan pelaburan dalam pendidikan dengan dana yang sedia ada.

Sebagai seorang pelabur yang rasional, guru berhadapan dengan pelbagai faktor yang mempengaruhi pemilihan bidang pendidikan mereka. Kerajaan dan guru merupakan pelabur dalam pendidikan. Maka, mereka membuat keputusan untuk menggunakan sumber-sumber yang terhad bagi mendapatkan keuntungan maksimum. Kesilapan dalam pemilihan bidang latihan dan pendidikan oleh guru ataupun kerajaan sendiri akan mendatangkan kerugian kepada tenaga kerja negara dan kepada dana masyarakat guru itu sendiri.

Penggubalan Akta Institusi Pendidikan Swasta 1996 (Akta 555) diperkenalkan untuk meningkatkan akses dan ekuiti pengajian tinggi, bilangan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di Malaysia. Untuk itu pendidikan dijadikan pelaburan yang sangat penting dalam menentukan hala tuju negara pada masa depan. Proses pendidikan adalah kaedah yang sangat berkesan bagi membentuk dan mengembangkan minda, jiwa dan rohani ke arah mengenali diri dan mencapai tahap kehidupan bermasyarakat yang baik serta lebih sempurna seperti yang dirancang.

Atas perkembangan ini, satu kajian diperlukan untuk melihat kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi guru. Selain itu, perkembangan dalam sistem pendidikan dan penekanan kepada pendidikan yang berterusan menyebabkan suatu keadaan di mana tahap pendidikan dan pengetahuan guru menjadi rendah dan tinggi daripada tahap kelayakan pendidikan dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas sebagai guru di sekolah. Maka, tahap terlebih dan terkurang





pendidikan harus dikenal pasti. Pada masa yang sama, kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan mengikut taraf dan tahap pendidikan harus dikenal pasti bagi melihat perbezaan dalam kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan.

1.3 Rasional kajian

Dalam menuju Wawasan 2020, memperkasakan mutu pendidikan bertaraf dunia menjadi agenda penting bagi membentuk negara maju dalam pelbagai bidang. Usaha guru-guru siswazah melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi adalah



selaras dengan kehendak kerajaan memartabatkan sistem pendidikan bertaraf dunia.

Guru-guru sentiasa berusaha untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran serta kemajuan diri ke tahap yang lebih baik. Hal ini kerana, prestasi guru sentiasa mempengaruhi kualiti sistem pendidikan di sesebuah negara.

Menurut laporan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) (2001-2010), kerjaya perguruan akan menjadi satu profesion yang semakin mencabar memandangkan generasi muda akan membesar dengan harapan dan matlamat yang berbeza. Maka, para pendidik bukan sahaja dikehendaki menyampaikan ilmu pengetahuan tetapi juga dipertanggungjawabkan untuk membentuk keperibadian dan tingkah laku pelajar. Selain daripada kemahiran mengajar, penekanan juga diberikan kepada penerapan etika dan nilai moral dalam program latihan perguruan.





Oleh itu, usaha yang berterusan diambil untuk menarik lepasan sekolah dan siswazah yang berminat untuk menjadikan bidang perguruan sebagai kerjaya. Memandangkan peranan guru adalah penting, lebih ramai guru sekolah rendah digalakkan memperoleh ijazah sarjana muda dan memiliki ijazah sarjana dalam tempoh RRJP3 bagi memastikan guru mempunyai tahap kecekapan mengajar yang tinggi. Hal ini kerana, sekolah rendah menyediakan kemahiran asas bagi membentuk keupayaan belajar dan penyerapan pengetahuan dalam kalangan pelajar (Laporan RRJP3, 2001).

Selain daripada menarik minat siswazah menceburi dalam profesion perguruan, guru yang sedang berkhidmat juga digalakkan untuk meneruskan pengajian di peringkat ijazah dalam bidang-bidang kritikal. Menurut Laporan RMK-9 (2006), pakej gaji dan kenaikan pangkat serta syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik ditawarkan kepada guru berkenaan.

Selain itu, kunci kepada kecemerlangan pendidikan ialah guru-guru yang berkualiti. Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti guru dan memartabatkan profesionalisme keguruan, KPM telah melaksanakan beberapa strategi. Ini termasuklah menaik taraf Maktab Perguruan kepada IPG yang menawarkan program ijazah. Kumpulan pertama guru terlatih IPG iaitu seramai 1,448 orang telah berjaya memperoleh ijazah sarjana muda pendidikan di bawah Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Pusat-pusat kecemerlangan IPG juga telah diwujudkan berdasarkan bidang-bidang kebitaraan (KPM, 2010).



Dalam perutusan Tahun Baru 2010 pada 7 Januari 2010, Y.A.B Timbalan

Perdana Menteri mengatakan:

Pihak kerajaan sedar di mana tahap pendidikan pengajar amat penting bagi menghasilkan generasi akan datang. Bagi memastikan hasrat kerajaan tercapai, kerajaan merangka pelbagai dasar ke arah perubahan positif dalam bidang pendidikan. Bermula 6 Mei 2006, Maktab dinaikkan taraf menjadi IPG dan ini diharapkan dapat melahirkan guru-guru berkualiti, mahir, bertanggungjawab dan bangga menjadi pendidik. Antara usaha memantapkan profesion ini termasuklah menaik taraf maktab perguruan kepada IPG. Dalam usaha meningkatkan jumlah guru siswazah dan menyediakan guru yang berkualiti, peranan IPG telah diperkembangkan untuk melatih guru pada peringkat ijazah berbanding dengan hanya pada peringkat sijil dan diploma. Pengiktirafan maktab perguruan kepada institut pendidikan guru untuk meningkatkan kelayakan guru ke peringkat ijazah memartabatkan profesion keguruan. Guru yang layak ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pengajian peringkat sarjana dan doktor falsafah. Peningkatan dari segi dana dan penstrukturan latihan keguruan masih dilihat perubahan di atas kertas. (ms.5)

Bersesuaian dengan agenda tersebut, KPM telah menambah jumlah biasiswa bagi para guru untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah lanjutan yang merangkumi peringkat sarjana dan PhD di bawah Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Ini sejajar dengan sasaran kerajaan untuk menyediakan sebanyak 100% guru berijazah sarjana muda bagi sekolah menengah dan 50% bagi sekolah rendah menjelang 2010 (Laporan PIPP, 2006).

Bagi menyediakan guru serta tenaga pengajar kompeten dan berkualiti yang dapat membimbing dan mendidik pelajar sekolah dengan sebaiknya, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM576 juta dalam bentuk biasiswa kepada mereka yang ingin melanjutkan pelajaran (Belanjawan, 2011). Peningkatan dalam pelaburan dalam pendidikan oleh pihak kerajaan dan juga sokongan kepada para guru untuk meningkatkan tahap pendidikan, secara langsung dapat meningkatkan kualiti



profesion perguruan. Fakta-fakta ini secara langsung mendorong individu yang memiliki pengkhususan dalam bidang perguruan untuk melabur dalam bidang pendidikan tetapi kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan tidak diketahui.

Bukan itu sahaja, dasar-dasar kerajaan mendorong guru-guru untuk melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana muda dan sarjana tetapi tidak ketahui adakah tahap pendidikan tersebut sesuai dan diperlukan untuk bertugas di sekolah rendah dan menengah. Pada masa yang sama, guru yang melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana muda dan sarjana tidak mengetahui manfaat yang akan diperoleh dalam konteks kadar pulangan pelaburan dalam pendidikan berbanding dengan guru yang memiliki diploma dan sijil.



1.4 Objektif kajian

Tujuan umum kajian ini dijalankan adalah untuk menganggarkan kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi guru dan mengenal pasti tahap guru terlebih dan terkurang pendidikan dalam profesion perguruan.

Objektif khusus bagi kajian ini adalah seperti berikut :

- 1.4.1 Menganggarkan kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi guru.
- 1.4.2 Mengenal pasti tahap insiden terlebih dan terkurang pendidikan wujud dalam kalangan guru.



- 1.4.3 Menganggarkan kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi guru yang terlebih pendidikan.
- 1.4.4 Menganggarkan kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi guru yang terkurang pendidikan.
- 1.4.5 Menganggarkan kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi guru berdasarkan tahap pendidikan.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji telah cuba menjawab beberapa persoalan kajian

 yang ditimbulkan. Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:  PustakaTBainun  ptbupsi

- 1.5.1 Berapakah kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi guru?
- 1.5.2 Sejauh manakah insiden terlebih dan terkurang pendidikan wujud dalam kalangan guru?
- 1.5.3 Berapakah kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi guru yang terlebih pendidikan?
- 1.5.4 Berapakah kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi guru yang terkurang pendidikan?
- 1.5.5 Berapakah kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi guru berdasarkan tahap pendidikan?

1.6 Signifikan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganggarkan kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi guru yang berkhidmat di sekolah dan mengenal pasti tahap insiden terlebih dan terkurang pendidikan dalam kalangan guru. Bukan itu sahaja, kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan berdasarkan taraf dan tahap pendidikan juga dikenal pasti.

Beberapa kajian mengenai kadar pulangan pelaburan dalam pendidikan telah dihasilkan di Malaysia sebelum ini, iaitu kesan perubahan persekolahan terhadap kadar pulangan pendidikan di Malaysia oleh Hoerr (1973), kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi pelajar yang mengikuti sekolah teknik dan vokasional oleh Abdul Samad (2004), analisis kadar pulangan pendidikan di Malaysia oleh Rahmah Ismail & Nanthakumar (2007), kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi pelajar lepasan diploma dari politeknik oleh Saharawati (2008) dan kesan perubahan dalam persekolahan terhadap pulangan pendidikan di Malaysia oleh Ramlee (2009). Namun begitu, kajian ini berlainan dengan kajian sebelum ini dari segi skop dan sampel. Kajian ini diharapkan dapat memberikan suatu gambaran jelas mengenai kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi guru dan memberikan maklumat yang berguna kepada pihak yang ingin melanjutkan pengajian, ibu bapa, masyarakat, penggubal dasar kerajaan dan pelabur asing yang ingin melabur di negara kita dalam bidang pendidikan.

Kajian ini juga amat signifikan dengan isu yang diutarakan dalam Dewan Rakyat, pada 15 Disember 2009 di mana terdapat cadangan agar kerajaan



memberikan insentif kenaikan gaji kepada guru-guru yang mempunyai ijazah sarjana dan PhD sebagai dorongan kepada guru-guru lain untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, kebanyakan guru berkelulusan sarjana dan PhD turut menyuarakan kekecewaan kerana tiada ada sebarang keistimewaan diberikan kepada mereka di sekolah (Berita Harian, 16 Disember 2009). Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa pihak kerajaan sedar tentang kepentingan pulangan dalam pendidikan bagi guru.

Menurut maklumat KPM (2012), bilangan guru merupakan sebahagian besar dalam enrolmen kerajaan. Bagi sekolah rendah, terdapat 230,449 orang guru di bawah KPM. Daripada jumlah itu, 70,600 orang adalah guru lelaki dan 159,849 orang adalah guru wanita. Manakala di sekolah menengah, terdapat 175,267 orang guru di bawah KPM. Daripada jumlah itu, 55,571 orang adalah guru lelaki dan 119,696 orang adalah guru wanita. Jumlah keseluruhan guru adalah 405,716 orang. Maka, penekanan yang berterusan harus diberikan untuk memastikan enrolmen tersebut menyumbang tenaga dalam usaha mencapai hasrat kerajaan. Kajian ini diharapkan memberi maklumat yang berguna kepada enrolmen yang diharapkan.

Bukan itu sahaja, tanggungjawab kerajaan terhadap pendidikan negara tidak dapat dipertikaikan. Dalam RMK-9, sebanyak RM577.7 juta daripada peruntukan RM45,149 bilion dikhususkan untuk program pendidikan guru. Sebagai profesion yang dinamik, pelbagai program pendidikan guru dilaksanakan, seperti kursus perguruan asas, lepasan diploma, lepasan ijazah dan lepasan SPM, program penghantaran pelajar cemerlang ke universiti luar negara serta program kembar antara institut perguruan dengan universiti tempatan dalam dan luar negara. Institusi





pengajian tinggi awam menawarkan Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI) dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP). Oleh kerana pelaburan dalam bidang pendidikan semakin meningkat, maka wujud keperluan untuk menjalankan kajian mengenai kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi guru. Bukan itu sahaja, insiden terlebih dan terkurang pendidikan dalam kalangan guru bagi memastikan kualiti bidang perguruan ini dipertingkatkan. Masalah pembaziran sumber dapat diatasi jika tahap insiden terlebih dan terkurang pendidikan dapat dikenal pasti.

Justeru itu, diharap hasil kajian dapat menjanakan maklumat dan hipotesis-hipotesis baru untuk kajian selanjutnya yang berkaitan dengan kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi guru dan insiden terlebih serta terkurang pendidikan dalam kalangan guru. Dapatan kajian juga diharapkan dapat memberikan beberapa manfaat dan cadangan kepada KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) bagi merangka dan menggubal dasar pendidikan yang akan datang.

Hasil kajian ini diharap dapat dijadikan panduan dan memberikan manfaat kepada pihak-pihak tertentu. Antaranya ialah :

1.6.1 Para guru

Dapatan kajian ini, akan menjadi garis panduan kepada para guru bagi merancang untuk membuat pelaburan dalam pendidikan. Keputusan yang bijak, dapat membawa manfaat yang sepatutnya.



1.6.2 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

KPM adalah pihak yang memainkan peranan penting dalam pembangunan profesion perguruan. Maka, pihak KPM dapat menggunakan dapatan kajian ini untuk membuat perancangan-perancangan yang dapat membawa perubahan dalam kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan. Pada masa yang sama, pihak KPM boleh mendapat gambaran mengenai tahap insiden terlebih dan terkurang pendidikan yang wujud dalam kalangan guru dan boleh membuat perancangan yang sesuai.

1.6.3 Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)

JPN memainkan peranan penting dalam pembangunan guru di peringkat negeri. Maka, pihak JPN dapat menggunakan dapatan kajian ini untuk melihat gambaran tahap insiden terlebih dan terkurang pendidikan yang wujud dalam kalangan guru dan boleh membuat perancangan yang sesuai.

1.6.4 Pelabur

Pihak pelabur yang melabur dalam bidang pendidikan boleh menggunakan dapatan kajian ini untuk membuat perancangan bagi membuka institusi-institusi pendidikan yang baru. Jika pelaburan dalam pendidikan dapat membawa pulangan yang lumayan, ia akan menggalakkan ramai guru untuk melabur dalam bidang pendidikan. Hal ini secara langsung memberikan peluang pelaburan dan dapat membawa pulangan yang lumayan kepada para pelabur.



1.6.5 Pihak bank dan institusi kewangan

Pihak bank dan institusi kewangan boleh menggunakan dapatan kajian ini untuk memberikan pinjaman pendidikan kepada guru yang memerlukannya jika pelaburan dalam pendidikan dapat membawa kadar pulangan yang berpatutan. Hal ini kerana, jika dapatan kajian menunjukkan kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan yang tinggi, maka ia akan menjadi jaminan kepada pihak bank dan institusi kewangan untuk memberikan pinjaman pendidikan kepada guru dengan harapan guru akan membayar balik pinjaman tersebut, semasa menerima pulangan daripada pelaburan dalam pendidikan.



1.7 Sistem Pendidikan dan Latihan Perguruan di Malaysia

KPM mula melaksanakan program pendidikan prasekolah pada tahun 1992, sebagai projek rintis berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 18 Disember 1991 yang telah bersetuju untuk mewujudkan sebanyak 1,131 buah kelas prasekolah. Sementara itu Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Jun 2001 telah bersetuju supaya KPM meneruskan program peluasan prasekolah mulai tahun 2002. Semenjak peluasan prasekolah telah dijalankan dari semasa ke semasa mengikut dasar sedia ada.

Pendidikan prasekolah adalah satu program yang menyediakan pengalaman pembelajaran kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun dalam jangka masa setahun atau lebih sebelum memasuki ke Tahun Satu. Pendidikan prasekolah





bertujuan untuk menyuburkan potensi murid dalam menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan untuk masuk ke sekolah rendah. Namun kemasukan ke kelas ini dibuka kepada anak-anak dari keluarga berpendapatan rendah.

Tahap pendidikan seterusnya adalah pendidikan rendah iaitu bermula dari tahun 1 hingga tahun 6, dan menerima kemasukan kanak-kanak berumur 7 tahun sehingga 12 tahun. Sekolah rendah awam di Malaysia terbahagi kepada dua jenis, iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Kurikulum di kedua-dua jenis sekolah rendah adalah sama. Perbezaan antara dua jenis sekolah ini ialah bahasa pengantar yang digunakan. Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris merupakan mata pelajaran wajib dalam sistem pendidikan Malaysia. Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar di SK. Bahasa Tamil atau Bahasa Mandarin digunakan sebagai bahasa pengantar di SJK. Pada akhir tahun persekolahan sekolah rendah, ujian awam diadakan bagi menilai prestasi murid-murid. Ujian awam pada peringkat sekolah rendah dinamakan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

Pelajar yang telah menduduki UPSR, dibenarkan melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah. Sekolah menengah awam boleh dilihat sebagai pelanjutan sekolah rendah. Bahasa Malaysia digunakan sebagai bahasa pengantar bagi semua mata pelajaran. Para pelajar perlu belajar dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Seperti di sekolah rendah, setiap tingkatan (darjah) mengambil masa selama setahun. Pada akhir Tingkatan Tiga (digelar peringkat menengah rendah), para pelajar akan menduduki Penilaian Menengah Rendah (PMR). Berdasarkan pencapaian PMR, mereka akan dikategorikan kepada Aliran Sains atau Aliran Sastera. Aliran Sains menjadi pilihan ramai. Pelajar dari Aliran Sains dibenarkan untuk keluar dari Aliran





Sains lalu menyertai Aliran Sastera tetapi sebaliknya tidak dibenarkan. Pelajar-pelajar yang tidak mendapat keputusan yang memuaskan pula boleh memilih untuk menjalani pengkhususan vokasional di sekolah teknik.

Pada akhir Tingkatan Lima (digelar peringkat menengah atas), para pelajar perlu menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebelum menamatkan pelajaran di peringkat menengah. SPM adalah berdasarkan peperiksaan “*School Certificate United Kingdom*” lama sebelum menjadi peperiksaan Tahap “*Ordinary level*” GCE “*General Certificate of Education*” (Kelulusan Umum Pelajaran) yang menjadi GCSE “*General Certificate of Secondary School*” (Kelulusan Umum Sekolah Menengah). Sejak tahun 2006, para pelajar turut menduduki kertas GCE Tahap “*Ordinary level*” bagi bahasa Inggeris selain kertas SPM Bahasa Inggeris biasa.



Keputusan lain ini adalah berdasarkan markah penulisan karangan dalam kertas Bahasa Inggeris SPM. Penilaian karangan ke atas Bahasa Inggeris SPM diadakan di bawah pengawasan pegawai daripada peperiksaan Tahap “*Ordinary level*” British. Walaupun keputusan ini bukan sebahagian daripada SPM, keputusan ini akan dinyatakan pada kertas keputusan.

Selepas SPM, para pelajar dapat membuat pilihan sama ada belajar dalam Tingkatan 6, matrikulasi, pengajian diploma di pelbagai institut pendidikan seperti Politeknik, Kolej Komuniti dan sebagainya. Jika mereka melanjutkan pelajaran dalam Tingkatan Enam, mereka akan menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Tingkatan 6 yang terdiri daripada Tingkatan 6 Rendah dan Tingkatan 6 Atas mengambil masa selama dua tahun. STPM dianggap lebih susah daripada “*Advanced level*” kerana merangkumi skop yang lebih mendalam dan luas.





Walaupun STPM biasanya diduduki bagi mereka yang ingin belajar di universiti awam di Malaysia, STPM turut diakui di peringkat antarabangsa.

Selain itu, para pelajar boleh memohon kebenaran untuk mengikuti program matrikulasi yang mengambil masa selama satu atau dua tahun. Matrikulasi hanya mengambil masa selama setahun. Tingkatan 6 adalah berbeza dengan program matrikulasi. Akan tetapi, program matrikulasi dan Tingkatan Enam memainkan peranan yang sama (kelayakan kemasukan universiti). Sesetengah pelajar menerima pendidikan pra-universiti di kolej persendirian. Mereka mungkin memilih diploma, “*Advanced-level*”, atau kursus yang sama dari negara lain.

Pelajar lepasan SPM yang berminat untuk menceburi dalam bidang perguruan boleh memohon untuk mengikuti kursus perguruan. Terdapat pelbagai program ditawarkan oleh IPG. Iaitu :

1.7.1 Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP).

Program ini dikhususkan untuk melatih guru-guru dalam pelbagai bidang bagi keperluan di sekolah rendah, kecuali bidang Pengajian Bahasa Inggeris ditawarkan bagi keperluan di sekolah rendah dan sekolah menengah.

1.7.2 Program Kembar Pra perkhidmatan antara KPM dengan institusi-institusi Dalam dan Luar Negara.

Kursus ini ditawarkan kepada pemohon lepasan SPM yang berkelayakan dan berminat untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris dan dianugerahkan Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua.





1.7.3 Program Kembar Bahasa Perancis atau “*Bachelor of Arts Degree in Sciences of Languages and Information Specializing in Teaching French as A Foreign Language*”.

Kursus yang menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda Linguistik ini ditawarkan kepada pemohon lepasan SPM yang berkecayaan dan berminat untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Perancis di sekolah. Kursus ini menggunakan kurikulum yang telah dipersetujui bersama dengan “*University of Poitiers*”, Perancis.

1.7.4 Program Kembar Bahasa Jerman atau Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Jerman Dengan Pendidikan.

Kursus yang menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda Linguistik ini ditawarkan kepada pemohon lepasan SPM yang berkecayaan dan berminat untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Jerman di sekolah.

1.7.5 Program Penghantaran Pelajar Cemerlang ke Luar Negara.

Program latihan perguruan ini ditawarkan kepada calon lepasan SPM yang mencapai keputusan cemerlang dalam SPM dan berminat untuk mengajar dalam mata pelajaran mengikut bidang kursus yang ditawarkan. Struktur pengajian adalah selama 6 Tahun iaitu 1½-2 tahun dalam Kursus Persediaan, 3 tahun dalam Ijazah Pertama di universiti luar negara dan 1 tahun Kursus Perguruan Lepas Ijazah di IPG.

Bagi mereka yang berkhidmat sebagai guru sandaran tidak terlatih di sekolah setelah tamat SPM boleh memohon latihan perguruan mod Kursus Dalam Cuti (KDC)





untuk meningkatkan tahap pendidikan mereka dan menjadi guru terlatih. Dalam memenuhi keperluan yang mendesak dan bitara bagi menyediakan guru yang terlatih, IPG daripada masa ke masa telah menyusun program pendidikan guru yang memenuhi permintaan. Mereka yang memerlukan latihan profesional ini selalunya terdiri daripada mereka yang bertugas sebagai guru sandaran tidak terlatih yang sedang berkhidmat di institusi pendidikan awam. Mereka perlu melaksanakan tugas mengajar anak didik semasa penggal persekolahan dan dalam masa yang sama mendaftar sebagai guru pelatih separuh masa di IPG (KPM, 2010).

Bergantung kepada mod yang dipilih mereka mungkin perlu melakukan pembelajaran berterusan secara “online” ataupun secara modul sepanjang masa penggal persekolahan dan mengikuti interaksi yang padat semasa cuti persekolahan.



Ada juga mod yang mana kurikulum sepenuh masa diguna dan diadaptasi, yang mana ini bermakna jam interaksi mesti dipenuhi semasa sesi interaksi. Pada kebiasaannya mod seperti ini memerlukan tempoh kursus dan interaksi yang lebih panjang. Bagi pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam STPM boleh memohon ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) untuk mengikuti program ijazah sarjana muda pendidikan.

Bagi siswazah yang mengikuti program selain daripada program pendidikan dan ingin menjadi guru setelah tamat pengajian sarjana muda boleh memohon Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) ataupun Diploma Perguruan Lepas Ijazah (DPLI). Program KPLI dan DPLI ini ditawarkan kepada pemohon yang memiliki sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda atau setaraf dengannya yang berminat dan berkecenderungan untuk menjadi guru di sekolah rendah dan sekolah menengah mengikut





bidang yang ditawarkan. Kursus setahun ini ditawarkan bagi pengambilan Februari dan Julai pada setiap tahun. Unjuran pengambilan pelatih bagi program ini adalah berdasarkan keperluan guru. Setelah berkhidmat dalam profesion perguruan, guru mempunyai peluang yang luas untuk melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dan PhD.

1.8 Definisi Operasional

Terdapat beberapa definisi yang digunakan oleh penyelidik bagi menjelaskan sesuatu perkara supaya lebih selari dengan maksud atau makna yang diutarakan.



1.8.1 Terlebih pendidikan

Freeman (1976) merupakan antara penyelidik yang mula-mula menggunakan konsep terlebih pendidikan. Menurutnya, terlebih pendidikan merujuk kepada lebih persekolahan berbanding dengan keperluan untuk mendapatkan sesuatu pekerjaan. Seseorang diklasifikasikan sebagai terlebih pendidikan apabila tahap pendidikan mereka melebihi daripada kelayakan pendidikan yang diperlukan dalam suatu pekerjaan tertentu dan mengalami kemerosotan dalam pendapatan jika dibandingkan dengan pendapatan daripada pekerjaan yang sepadan dengan tahap pendidikan mereka (Rumberger, 1981). Selain daripada itu, terlebih pendidikan merujuk kepada pekerja yang memiliki kelayakan pendidikan yang lebih tinggi daripada kelayakan yang diperlukan untuk sesuatu pekerjaan (Pecoraro, 2012). Dalam konteks kajian ini, guru





yang terlebih pendidikan merujuk kepada guru yang merasakan kelayakan ikhtisas mereka lebih tinggi daripada kelayakan ikhtisas yang diperlukan untuk melakukan tugas mereka.

1.8.2 Terkurang pendidikan

Seseorang diklasifikasikan sebagai terkurang pendidikan apabila tahap pendidikan mereka kurang daripada syarat-syarat pendidikan yang diperlukan dalam suatu pekerjaan tertentu dan menerima pendapatan yang lebih rendah dibandingkan dengan rakan sekerja yang mempunyai kelayakan yang sepadan dengan pekerjaan tersebut (Sicherman, 1991). Menurut Pecoraro (2012), terkurang pendidikan merujuk kepada pekerja yang memiliki kelayakan pendidikan yang lebih rendah daripada kelayakan yang diperlukan untuk



melakukan sesuatu pekerjaan. Dalam konteks kajian ini, guru yang terkurang pendidikan merujuk kepada guru yang merasakan kelayakan ikhtisas mereka lebih rendah daripada kelayakan ikhtisas yang diperlukan untuk melakukan tugas mereka.

1.8.3 Sepadan pendidikan

Seseorang diklasifikasikan sebagai sepadan pendidikan apabila tahap pendidikan mereka setaraf dengan kelayakan pendidikan yang diperlukan dalam suatu pekerjaan tertentu (Rumberger, 1981). Bukan itu sahaja, sepadan pendidikan merujuk kepada mereka yang memiliki tahap pendidikan yang sama dengan syarat-syarat pendidikan yang diperlukan bagi sesuatu pekerjaan tertentu dan menerima pendapatan yang lebih tinggi dibandingkan dengan rakan sekerja yang mempunyai kelayakan yang kurang dan lebih bagi





pekerjaan tersebut (Sicherman, 1991). Selain daripada itu, sepadan pendidikan merujuk kepada pekerja yang memiliki kelayakan pendidikan yang serupa dengan kelayakan yang diperlukan untuk sesuatu pekerjaan (Pecoraro, 2012). Dalam konteks kajian ini, guru yang sepadan pendidikan merujuk kepada guru yang merasakan kelayakan ikhtisas mereka sesuai dengan kelayakan ikhtisas yang diperlukan untuk melakukan tugas mereka.

1.8.4 Kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan

Menurut Mincer (1974), Rusalkina (2002) dan Verhaest & Omeij (2009), kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan adalah ukuran bagi anggaran jumlah bayaran gaji di masa hadapan untuk seseorang individu atau masyarakat selaras dengan tahap pendidikan yang kian meningkat. Sebagai ukuran kadar pulangan, kadar ini adalah sama dengan kadar faedah yang dibayar ke atas simpanan ataupun kadar pulangan pelaburan daripada sebarang bentuk pelaburan lain. Dalam model “*Standard Human Capital Earnings*” yang berasaskan Teori Model Insan, dinyatakan bahawa upahan lebih akan diterima kerana peningkatan dalam produktiviti kesan daripada lebih modal insan, yang terbentuk melalui pendidikan. Maka, pendidikan dijadikan sebagai salah satu item pelaburan (Mincer, 1974). Dalam kajian ini, kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan adalah pulangan yang diperoleh oleh para guru berdasarkan setahun persekolahan.

1.8.5 Guru

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), guru bermaksud pengajar, pendidik atau pengasuh. Seorang guru merupakan pembimbing dalam proses





pembelajaran. Menurut Mok (2003) pula, guru merupakan seorang ahli masyarakat yang mempunyai perhubungan sosial yang saling berkait rapat dengan masyarakat. Dalam konteks kajian ini, guru merujuk kepada seseorang yang bertugas sebagai tenaga pengajar di sekolah. Pada masa yang sama, beliau bergelar sebagai guru tetap.

1.9 Kesimpulan

Dalam bab ini pengkaji menerangkan serba sedikit tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, kepentingan kajian, objektif kajian dan kepentingan kajian. Pelaburan dalam pendidikan amat penting untuk pembangunan sesebuah negara terutamanya bagi sistem pendidikan. Oleh itu, kajian awal diperlukan untuk menganggarkan kadar pulangan pelaburan persendirian dalam pendidikan bagi guru dan melihat tahap insiden terlebih dan terkurang pendidikan dalam kalangan guru.

